

Harian Metro (Setimpal) Khamis 8/4/18 m/s : 6



ADAM Ayrash gembira dan selesa dengan kerusi roda khas yang dipakainya.



ADAM Ayrash bersama Hafizah selepas menerima kerusi roda khas.

Seronok ke sekolah berkerusi khas

Pekan: Sejak berusia lima tahun, Adam Ayrash Abdullah sering menyatakan keinginannya ke sekolah selepas melihat keseronokan saudara dan jiran sebayanya.

Namun hasratnya sukar direalisasikan kerana pergerakannya terbatas disebabkan menghadapi cerebral palsy selain ketidaaan kelas pendidikan khas di sekolah sekitar kediaman mereka di Kampung Cherok Paloh, Kuantan.

Tahun ini kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) berusia lapan tahun itu diterima masuk ke kelas Pendidikan Khas In-

tegrasi di Sekolah Kebangsaan (SK) Serandu, di sini namun yang menjadi masalah adalah ketiadaan kerusi roda khas menyebabkannya hanya diletakkan di kerusi sofa sebelum digantikan dengan kerusi roda.

Bulan lalu, kesukarananya belajar akhirnya diatasi apabila Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menyumbangkan kerusi roda khas dikenali Adam's Chair yang mengambil sempena namanya.

Ibu Adam Ayrash, Hafizah Mohamed Hamdan,

27, berkata, kerusi roda khas itu membolehkan anaknya belajar lebih selesa kerana ia lengkap dengan meja dan kerusi boleh dilaraskan.

"Sebelum ini, dia hanya terlantar dan kalau hendak bergerak, kena berboleh atau meniarap. Sekarang dia selesa hendak belajar kerana ada meja sendiri yang turut disediakan pada kerusi roda khas itu, terima kasih kepada UMP yang prihatin dengan nasib kami," katanya ketika ditemui NSTP di SK Serandu, dekat sini, semalam.

Hafizah yang juga ibu tunggal berkata, Adam Ayrash disahkan menghadapi cerebral palsy sejak berusia satu tahun selepas demam panas menyebabkannya sukar bergerak.

FAKTA
Kerusi roda khas lengkap dengan meja dan kerusi yang boleh dilaraskan